# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
# MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) PENGKALAN HULU, PERAK (DAERAH HULU PERAK)
KEMASKINI : 11 MEI 2021

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan Yang Terlibat | Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Hulu, Perak (Daerah Hulu Perak). |
| Tempoh Kuat kuasa | 13 Mei 2021 (12.01 pagi) sehingga 26 Mei 2021 (11.59 malam). |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.<br>• Laluan keluar masuk kawasan PKPD **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan keluar masuk guru dan staf MRSM Pengkalan Hulu yang bertugas dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Kebenaran hanya boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan ***case to case basis.***<br>• Tiada tetamu dan pelawat luar dibenarkan masuk sepanjang tempoh PKPD berkuatkuasa.<br>• Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian sekolah seperti bekalan bahan mentah, bekalan makanan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.<br>• Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD. |
| Saluran Makanan dan Keperluan | • Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hulu Perak dan diagihkan oleh APM dan RELA.<br>• Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Hulu Perak. |
| Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Saringan secara bersasar kepada guru, staf dan pelajar di asrama di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.<br>• Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. |